

Ireka peroleh kontrak binaan RM276.79 juta

Ireka Engineering and Construction Sdn Bhd (IECSB), cabang prasarana Ireka Corporation Bhd memperoleh kontrak pembinaan bernilai RM276.79 juta daripada KL Eco City Sdn Bhd.

Mengikut kontrak itu, Ireka akan bertanggungjawab bagi kerja pembangunan utama podium runcit, pejabat Blok A dan kerja yang masih berbaki bagi aras bawah tanah projek pembangunan bercampur KL Eco City, kata Ireka dalam satu kenyataan.

Projek pembangunan itu terletak di Bangsar, adalah usaha sama antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan KL Eco City.

Kontrak itu dijangka bermula pada 15 Oktober 2014 dan siap dalam tempoh 29 bulan daripada tarikh permulaan pembinaan.

Ireka berkata, kontrak itu adalah yang kedua KL Eco City yang diberikan kepada syarikat itu.

Kini ia sedang membina dua blok pang-sapuri perkhidmatan, iaitu Vogue Suites Tower 1, dengan kontrak bernilai RM298.24 juta.

BERNAMA